

Pembangking digesa adakan mesyuarat khas

KUALA LUMPUR 19 Jun — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menggesa parti-parti pembangking supaya mengadakan mesyuarat khas untuk membentuk peraturan mencegah semua jenis rasuah, termasuk rasuah agama dan kebendaan.

Katanya, janganlah parti lawan ghairah mempermain-mainkan UMNO kerana usahanya untuk menghapuskan politik wang.

"Masalah UMNO hanyalah politik wang. Tetapi masalah parti-parti lawan termasuklah penyalahgunaan ayat-ayat Al-Quran dan syurga untuk kepentingan diri dan parti," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika merasmikan Perhimpunan Agung Khas UMNO, di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, parti-parti lawan patut jujur seperti UMNO dan mengakui kesalahan serta jenayah yang berlaku dalam parti dan bertindak menghapuskannya.

"Inilah cara Islam. Mereka tidak harus menepuk belakang diri sendiri, mengucap tahniah kepada diri sendiri kerana beranggapan mereka lebih baik daripada UMNO. Sebenarnya mereka adalah lebih kotor," katanya.

Beliau menegaskan, sudah tentulah kumpulan serpihan UMNO, yang sekarang berada di luar parti bertanggungjawab terhadap perkembangan politik wang dalam UMNO.

Perdana Menteri berkata, mereka (kumpulan

serpihan UMNO) boleh bersumpah tetapi UMNO tahu mereka menggunakan banyak wang pada tahun 1987 untuk membeli undi.

"Mereka menyogok di hotel, mereka menyogok dalam tandas, mereka mengurung ahli-ahli dan berjanji kepada berpuluh-puluh ahli, jawatan Menteri Besar, Timbalan Menteri dan Menteri.

"Mereka memberi hadiah dan membiayai lawatan. Kata seorang daripada mereka *Twenty million is cheap to be a Prime Minister*," kata Dr. Mahathir.

Bersih

Beliau berkata, jika tidak kerana majoriti wakil UMNO tidak boleh disogok mungkin mereka menang pada tahun 1987.

"Tetapi mereka kalah, kekalahan mereka tidak bermakna kerana mereka bersih, mereka kotor malangnya kekotoran mereka terpalit kepada ahli-ahli UMNO yang lain.

"Kerana 1987-lah UMNO sekarang terpaksa menghadapi masalah politik wang... kerana 1987-lah UMNO terpaksa bersidang hari ini," katanya.

Dr. Mahathir berkata, rakan mereka juga tidak bebas daripada rasuah.

"Menjanjikan syurga jika parti disokong juga merupakan satu jenis rasuah. Ia lebih murah dan mudah dibuat bagi mereka yang tidak takut berkesan di kalangan orang kuat pegangan kepada agama," katanya.

Kata Perdana Menteri,

mereka jangan sombong kerana kononnya mereka bersih.

"Najis rasuah terpalit juga di muka mereka, bahkan lebih dahsyat lagi kerana yang disogok ialah agama. Dengan ini bukan sahaja mereka kotor, agama juga turut dikotorkan," katanya.

Seperkara lagi, kata Dr. Mahathir, ialah keberanian mereka 'menjual' ayat-ayat Al-Quran walaupun ini terang-terang ditegah oleh Al-Quran.

"Jika ayat-ayat ini adalah untuk perkembangan ajaran Islam di kalangan orang Islam atau untuk berdakwah, ia bukanlah sogokan, bahkan ia disuruh dan dibenarkan.

"Tetapi apabila ayat-ayat ini digunakan untuk mendapat sesuatu bagi diri sendiri atau bagi parti, ia tidak berbeza daripada penyalahgunaan wang untuk membeli undi. Ia tidak berbeza daripada rasuah. Ia juga adalah rasuah," katanya.

Bagaimanapun, katanya, parti itu tidak berhenti setakat itu sahaja, apabila sahaja berkuasa di Kelantan mereka menyogok penyokong mereka dengan jawatan-jawatan penghulu, penggawa dan imam, walaupun mereka terpaksa melucutkan jawatan-jawatan itu daripada orang lain yang sedang memegangnya.

"Mereka menggunakan wang kerajaan untuk bayaran elaun-elaun bagi penyokong - penyokong mereka. Ini juga sejenis rasuah," kata Dr. Mahathir.